

07 JAN 1997

Mahathir-Singapura

MALAYSIA TIDAK BOLEH HALANG WARGA ASING LAWAT NEGARA INI

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak boleh menghalang warga asing melawat negara ini sekiranya mereka mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

Perdana Menteri berkata pelawat akan hanya dihantar pulang ke negara mereka jika ada permintaan oleh kerajaan negara itu kerana didapati bersalah dalam kegiatan jenayah.

"Kita tidak ada perjanjian menghantar pulang warga asing yang melakukan kesalahan yang bukan jenayah atau politik di negara asalnya," katanya ketika diminta mengulas laporan bahawa seorang calon pembangkang dalam pilihan raya umum Singapura yang berlindung di negara ini kerana bimbang tentang keselamatan dirinya selepas dianggap sebagai seorang yang taksub kepada swemangat perkauman Cina.

Menurut laporan akhbar di republik itu semalam, Tang Liang Hong, 61, yang kalah dalam pilihan raya umum minggu lepas sebagai wakil Parti Pekerja, mencari perlindungan di Johor sejak hujung minggu lepas.

"Orang asing nak datang dan melihat negara ini, kita tak boleh tahan terutamanya dari Singapura. Mungkin dia datang menggunakan pas lawatan," kata Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri selepas melawat projek Mines Resort City di Sungai Besi dekat sini berharga RM2 bilion.

"Kita jarang terlibat dengan negara jiran...ada juga orang lari ke sini seperti orang Aceh, kita tak boleh tahan," katanya.

Ditanya adakah Malaysia memberi perlindungan kepada Tang, Dr Mahathir berkata: "Tidak ada perlindungan."

"Ada orang Singapura datang dan tinggal di sini dan kita benarkan," katanya.

Ditanya sama ada kehadiran Tang boleh menjejaskan hubungan Malaysia dan Singapura, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak melindunginya dan dia ada hak datang melainkan kalau ada permintaan menghantarnya pulang ke negara asal kerana kesalahan jenayah."

Ditanya adakah Malaysia akan memberi suaka politik kepada Tang jika dia membuat permohonan, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham apa yang dimaksudkan dengan mencari perlindungan politik." -- BERNAMA

ARA MAI